

BAH I

PENDAHULUAN

A. Latarbelakang Masalah

Pengenalan dan sejarah ringkas Kampung Rusila

— Kampung Rusila adalah sebuah perkampungan melayu, dalam daerah Marang, yang terletak di negeri Terengganu, di pantai timur Semenanjung Malaysia. Jaraknya dari bandar Kuala Terengganu kira-kira 13 km dan dari bandar Marang sendiri kira-kira 7km. Keluasannya dianggarkan 12km persegi dengan kira-kira 4km panjang dan 3km lebar.

Penduduk Kampung Rusila pada umumnya terdiri daripada masyarakat melayu Islam dari berbagai keturunan. Mengikut bancian tahun 1986, jumlah penduduknya adalah lebihkurang 5,000 orang ¹

Sesuai dengan kedudukannya di pinggir pantai Laut Cina Selatan, pekerjaan utama penduduknya adalah menangkap ikan. Namun begitu ada juga yang bertani dan tidak kurang yang melibatkan diri dalam sektor-sektor awam dan swasta. Disamping itu, kampung ini juga terkenal dengan hasil kraftangan seperti anyaman dan sebagainya dan ini menjadi daya tarikan kepada pelancong

¹ Temubual dengan Haji Ali bin Awang, di rumahnya di Kampung Rusila, pada 1 September 1989

yang datang ke Malaysia amnya dan ke Negeri Terengganu Darul Iman khususnya.

Pada hari ini, Kampung Rusila menjadi lebih terkenal serta mendapat tumpuan dari setiap golongan masyarakat, baik dalam maupun luar negeri dengan lahirnya seorang yang bertaraf ulamak, iaitu Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

Menyentuh tentang sejarah awal Kampung Rusila, menurut seorang penduduk asal kampung ini,² ia telah dibuka oleh seorang Patani bernama Lebai Nik Ikliau lari ke sini untuk menyelamatkan diri dari Perang Siam yang sedang bergolak ketika itu. Beliau mula membuat penempatan di Kampung Lama, iaitu kampung asal Rusila yang terletak di barat Kampung Rusila yang ada sekarang.

Oleh kerana beliau yang menjadi pengasas kampung ini, maka dengan sendirinya beliau terlantik sebagai ketua atau penghulu di kampung ini. Setelah kematian beliau, jawatan ini diambilalih oleh anaknya Penghulu Musa. Perlantikan penghulu pada masa itu adalah berdasarkan keturunan. Oleh kerana itu, bagi menggantikan tugas penghulu ini, anak-anak dihantar ke pondok pondok pengajian agama, samada di sekitar Negeri Terengganu atau di Kelantan dan Patani. Kebiasaannya tugas penghulu bukan sahaja dalam soal pentadbiran kampung, malah lanya juga meliputi tugas sebagai imam masjid.³

² Temubual dengan Ali bin Mohd, di rumahnya di Kampung Rusila, pada 23 Ogos 1989

³ Temubual dengan Hj. Abdul Rahman bin Mohd Akil, di rumahnya di Kampung Rusila, pada 1 September 1989

Senarai penghulu penghulu kampung dari awal pembinaan hingga kepada penghulu yang dilantik oleh kerajaan, menurut cerita dan ingatan Ali bin Mohd ialah:

1. Penghulu Nik (Lebat Nik)
2. Penghulu Musa
3. Penghulu Ibrahim
4. Penghulu Chik
5. Penghulu Muda
6. Penghulu Haji Yusof
7. Penghulu Haji Mohd Akil
8. Penghulu Haji Ibrahim

Penempatan pertama penduduk kampung ini tertumpu di kawasan pendalaman, iaitu di Kampung Lama. Manakala Kampung Rusila di kawasan pantai yang wujud sekarang ini telah dibuka oleh Penghulu Chik.

Sebagaimana tempat-tempat lain, Kampung Rusila juga mempunyai cerita dan sejarahnya yang tersendiri, mengapa ia dinamakan Rusila. Mengikut cerita orang tua-tua, nama Rusila ini dikaitkan dengan penemuan sepokon pokok Rhu yang mana kedudukan akarnya seakan-akan orang sedang bersila.⁴

II. Pengertian Tajuk Dan Perumusan Masalah.

Masjid merupakan tempat atau pusat yang menyatupadukan umat Islam

⁴ Temubual dengan Ali bin Mohd, di rumahnya di Kampung Rusila, pada 23 Ogos 1989.

samada untuk mengerjakan ibadat dengan berjemaah atau menuntut ilmu dan menerima nasihat dan pengajaran, demi kebaikan dan keselamatan di dunia dan akhirat'.⁵ Masjid juga merupakan lambang bagi kewujudan umat Islam di suatu tempat, kerana di mana ada umat Islam, maka di situ akan dibina masjid.

'Masjid Rusila' adalah sebuah masjid yang terletak di Kampung Rusila, dalam daerah Marang, Terengganu. Masjid ini terkenal bukan sahaja di kalangan masyarakat Terengganu bahkan juga masyarakat luar dan ia menjadi tumpuan mereka terutamanya pada hari Jumaat untuk mengikuti kelas pengajian yang disampaikan oleh pengurus masjid itu, iaitu Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

'Terengganu' adalah merupakan sebuah negeri yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia. Kedudukannya adalah di garisan bujur antara 102 25 - 103 5, dan garisan lintang 4 0 - 5 5. Ia bersempadan di sebelah Utara dan Barat Laut dengan Negeri Kelantan. Di sebelah Selatan dan Barat Daya ialah Negeri Pahang, manakala di sebelah Timur pula ialah Laut China Selatan.⁶

'Sejarah' ialah hal-hal dan peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku di masa yang telah lalu.⁷ 'Perkembangan' membawa erti perihal berkembang.

⁵ Syaikh Abdullah Baasmieh, Kedudukan Masjid Dalam Islam, Disemak oleh Multi Wilayah Persekutuan (Datuk Abdul Mohsein Haji Salleh), Pusat Penyelidikan Islam, Bah. Agama, JPM, K. Lumpur, 1977, hal. 1

⁶ Hj. Mohd. Salleh bin Hj. Awang (MISBAHA), Sejarah Darul Iman Hingga 1337H = 1918M, Cet. 2, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1983, hal. 1

⁷ Kamus Bahasa Malaysia (Edisi pelajar), Cet. 3, Dewan Bahasa &

(menjadi maju atau tersebar, membiak, meluas dan sebagainya) atau dikatakan sebagai pertumbuhan atau kemajuan.⁸ Manakala 'Kegiatan' pula merujuk ke keadaan yang giat atau usaha yang sungguh-sungguh.⁹

Dari definisi tadi, dapatalah diahaman bahawa tajuk penyelidikan penulis adalah berkisar tentang peristiwa-peristiwa pertumbuhan Masjid Rusila sejak penubuhannya yang pertama sampai sekarang. Juga mengenai kegiatan-kegiatan masjid dalam rangka untuk mencapai objektif penubuhannya.

Setelah penulis mengemukakan mengenai pengertian tajuk, maka disusuli pula dengan beberapa rumusan ke atas tajuk tersebut mengenai masalah-masalah yang bakal penulis huraikan dan bantangkan di dalam bab-bab seterusnya.

Oleh yang demikian, penulis merumuskan penulisan ini kepada beberapa masalah yang akan dibincangkan nanti:

1. Bagaimana proses penubuhan Masjid Rusila
2. Apakah motif penubuhan masjid
3. Bagaimana struktur pentadbiran Masjid Rusila
4. Bagaimana hubungan Masjid Rusila dengan Majlis Agama Islam Negeri Terengganu
5. Apakah kegiatan-kegiatan Masjid Rusila

Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1983, hal. 487

⁸ Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hal. 532

⁹ Kamus Bahasa Malaysia, Op. Cit., hal. 170

6. Bagaimana sambutan dan pandangan masyarakat terhadap masjid ini.

C. Tujuan Penulisan

1. Dari penulisan ini, penulis bertujuan mendedah dan mengenenahkan mengenai kegiatan-kegiatan Masjid Rusila dalam usahanya untuk menanamkan kesedaran Islam di kalangan masyarakat.
2. Penulis juga bertujuan untuk membuat penelitian apakah kegiatan-kegiatan yang diusahakan ini menepati kehendak Islam mengenai peranan yang seharusnya dimainkan oleh sebuah masjid.
3. Penulis berharap dengan penulisan ini akan dapat membuka mata golongan yang sentiasa menaruh prasangka buruk terhadap masjid ini, agar dapat membuat penilaian yang sewajarnya.
4. Penulis juga berharap semoga kajian yang dilakukan ini mampu berfungsi sebagai pembuka jalan kepada penulis seterusnya. Semoga ia bisa memberi faedah kepada kita semua. Insya Allah.
5. Dan sebagai tujuan khusus dari penulisan ini adalah sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan kelulusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

D. Metodologi

Dalam rangka penulisan kertas projek ini, penulis telah menggunakan

beberapa metod tertentu, iaitu:

1. Metod penentuan subjek
2. Metod pengumpulan data
3. Metod analisa data

1. Metod Penentuan Subjek

Dalam menentukan subjek pengkajian ini, penulis menggunakan metod sampling, iaitu dengan cara menentukan sebuah masjid sebagai sasaran penyelidikan.

2. Metod Pengumpulan Data

Dalam usaha untuk mendapatkan data dan fakta, penulis melibatkan kedua-dua metod penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

Di dalam Penyelidikan Perpustakaan, perpustakaan yang penulis gunakan ialah Perpustakaan Besar Universiti Malaya, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Awam Pusat Islam dan Perpustakaan Awam Tun Abdul Razak, Kuala Terengganu.

Adapun metod Penyelidikan Lapangan, ia melibatkan pula beberapa metod lain, iaitu:

- a. Metod Historis (Persejarahan)

- b. **Metod Dokumentasi**
- c. **Metod Interview**
- d. **Metod Observasi**

3. Metod Analisa Data

Dalam menganalisa data, penulis menggunakan beberapa metod seperti berikut:

- a. **Metod Induktif**
- b. **Metod Deduktif**
- c. **Metod Komparatif**

E. Sistematika Penulisan

Kertas projek ini mengandungi lima bab, di mana di dalam setiap bab itu pula mengandungi beberapa tajuk kecil

Di dalam bab pertama, penulis menyentuh tentang sejarah tingkat Kampung Kuala, disusuli dengan pengertian tajuk yang menjadi pokok perbincangan penulis. Di dalam bab ini juga penulis menyentuh sedikit berhubung dengan tujuan kajian, metod-metod yang penulis gunakan sepanjang kajian ini dibuat dengan secara garis kasar dan perbincangan yang terakhir ialah bagaimana penyusunan hasil kajian ini dibuat dan dibahagikan kepada lima bab.

Di dalam bab kedua, penulis menerangkan mengenai pengertian masjid dari segi bahasa dan istilah. Seterusnya penulis menyentuh sedikit tentang tiga

masjid utama di dalam Islam apertumana yang ditaklumi oleh kebanyakan umat Islam. kedudukan masjid Takwa dan masjid Dhuhat dan seterusnya tentang kegiatan-kegiatan masjid di zaman Rasulullah (tumpuan kepada Masjid An-Nabawi).

Manakala dalam bab ketiga, penulis menghuraikan secara terperinci tentang metod-metod yang penulis gunakan sepanjang proses menyiapkan kertas projek ini beserta dengan contoh-contohnya sekali sebagai lanjutan dari bab pertama yang penulis sentuh secara umum sahaja.

Seterusnya di dalam bab keempat, penulis membincangkan mengenai Masjid Kuala di Terengganu. Pembincangan di dalam bab ini ditumpukan kepada beberapa permasalahan yang dapat ditimbulkan dari sejarah pembinaan dan pengasas masjid sehingga kepada sambutan masyarakat terhadap masjid.

Kemudian di dalam bab terakhir yang merupakan bab penutup kepada seluruh kajian yang dibuat, penulis cuba membuat beberapa kesimpulan dan disertakan juga beberapa saranan untuk kemajuan masjid dan orang ramai di masa akan datang.